

NO. SOALAN: 367

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**

**[ TEMERLOH ]**

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dan peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan komersial dan awam khususnya bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memperkasakan pelaksanaan prosedur dan amalan terbaik dalam meningkatkan tahap keselamatan operasi bas ekspres, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah melaksanakan Program SPAD ICOP – Keselamatan bermula pada tahun 2013 bagi pengendali bas untuk:
  - (i) menerapkan nilai pentingkan keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
  - (ii) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.
2. Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Bas telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan keselamatan yang praktikal bagi pengendali bas untuk memenuhi tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan operasi dan meminimumkan insiden dan kemalangan. Ia meliputi tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua pihak dari pengurusan peringkat tertinggi hingga kepada kumpulan operasi, meliputi antaranya pengurusan dan pemantauan keselamatan pekerja dan operasi, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan rekod.

3. Pematuhan SPAD ICOP – Keselamatan ini telah dijadikan syarat lesen yang wajib dipatuhi oleh semua pengendali. Tindakan penggantungan serta penarikan lesen boleh diambil ke atas mana-mana pengendali yang gagal mematuhiinya. Dengan pelaksanaan SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi amalan kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat. Ini akan membantu mengurangkan kecederaan dan kematian yang melibatkan pengguna dan pekerja-pekerja di dalam sektor pengangkutan awam darat.

4. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh SPAD bagi mengurangkan kes kemalangan bas dan lori ialah:

- (i) Menjadikan Latihan bagi pengendali dan penguatkuasaan Kod Amalan Keselamatan Industri (ICOP Keselamatan) sebagai syarat lesen pengendali bas dan lori; pemeriksaan tahap pematuhan secara berkala, pemeriksaan rambang dan selepas kemalangan melibatkan pengendali;
- (ii) Meningkatkan kekerapan program penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama bersama Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (iii) Pemantauan perjalanan melalui GPS ke atas pemandu dan kelajuan oleh pihak berkuasa dan pengendali (pemantauan perjalanan di pusat kawalan operasi oleh penyelia syarikat) dan juga oleh SPAD;

- (iv) Tapisan rekod buku log pemandu oleh JPJ dan SPAD bagi melarang pemandu yang telah memandu selama 8 jam untuk memandu melebihi had maksimum waktu memandu yang dibenarkan; dan
- (v) Pemantauan rapi ke atas pengendali bas dan lori yang berisiko tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**SOALAN : 368**

**Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah mengurangkan risiko kemalangan jalan raya setelah rekod daripada World Health Organization (WHO) pada 2014 meletakkan rekod kadar kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia pada kedudukan ke -34 daripada 172 buah negara.**

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh PDRM, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2015 ialah 489,606 dengan angka korban sebanyak 6,706 manakala jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2016 pula ialah 521,466 dengan angka korban sebanyak 7,152.

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;  
Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;  
Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;  
Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;  
Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa

ke semasa dengan mengambil kira maklum balas daripada *stakeholders* berkaitan dan pendekatan yang diguna pakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya .

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Modul PKJR kini sedang disemak semula dan ditambah baik pada beberapa aspek penambahbaikan, antaranya modul ini dibangunkan selaras dengan kurikulum terbaru iaitu KSSR dan KSSM. Modul baru ini juga dibangunkan dengan mengambil kira bilangan jam bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan aktiviti yang diperuntukkan di sekolah, sekali gus mengurangkan jumlah aktiviti yang perlu diajar berbanding modul sebelumnya. Selain itu, modul ini turut dibangunkan dengan meraikan suasana dan konteks di Malaysia berbanding modul sebelumnya yang diangkat dan di terjemah daripada modul PKJR di Australia. Modul baru ini telah disempurnakan dengan memastikan penglibatan daripada para guru Bahasa Melayu

sendiri bagi membangunkan modul dan aktiviti yang sesuai dengan keterlibatan pakar rujuk dalam bidang keselamatan jalan raya. Melalui Pelan Keselamatan Jalan Raya ini secara jangka panjang, Kementerian yakin akan dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.